

# REACH SEGAMAT

## ASSOCIATION OF RESOURCE AND EDUCATION FOR AUTISTIC CHILDREN



# AUTISME

## APAKAH ITU AUTISME?

**Autisme** adalah sejenis ketidakupayaan seumur hidup yang ketara yang mungkin disebabkan oleh otak yang kurang berfungsi.

Gejala ini dapat dikesan pada peringkat awal dan kanak-kanak autisme ini bersikap suka menyendiri sehingga mempunyai kesukaran dalam pembangunan social dan emosi yang normal dengan orang di sekelilingnya serta dalam memahami dunia yang didiami.

Oleh sebab mereka gagal untuk memahami apa yang dilihat, kanak-kanak autisme cenderung untuk menentang sebarang perubahan dan sering memaparkan sikap naik radang. Tingkahlaku pelik dan yang berulangan serta obsesi sering kelihatan. Kanak-kanak tersebut tidak berpeluang belajar bermain dan sukar dalam membelaiki cara menangani orang dan situasi-situasi yang berlainan.

Kanak-kanak autistik seolah-olah tidak mampu memproses maklumat dengan berkesan dan ini menjadi halangan kepada perkembangan diri dan komunikasi yang normal. Sebagaimana bahasa membawa sedikit sahaja makna kepadanya, pertuturan akan ditangguhkan dan jika dapat bertutur, pertuturnya sering menjadi luar daripada yang biasa.

Justeru itu, mengenalpasti diagnosa autisme, mempunyai pendidikan istimewa dan perantaraan sosial pada peringkat awal adalah penting bagi kanak-kanak autistik dalam mencapai potensi yang sepenuhnya dan boleh mengurangkan banyak masalah yang berkaitan dengan autisme.

## CIRI-CIRI AUTISME

### SOSIAL

- Kurang kontak mata
- Tidak menunjukkan minat terhadap kanak-kanak lain yang sedang bermain
- Tidak menunjukkan minat dalam Peek-a-boo atau permainan interaktif yang lain
- Menentang daripada dipegang atau dipeluk oleh ibu bapa

### KOMUNIKASI

- Lewat atau tiada perkembangan dalam bahasa pertuturan
- Ekolalik: Menurut kata-kata seperti burung kakaktua
- Kurang kreatif dan kurang mahir dalam permainan berpura-pura
- Tidak sedar akan persekitaran
- Menyatakan keperluannya dengan menggunakan tangan orang dewasa

### TINGKAHLAKU PELIK/BERULANGAN

- Asyik dengan satu aspek benda; seperti memutarkan roda kereta mainan
- Tidak fleksibel dengan perubahan rutin
- Tindakan berulang; seperti mengepak tangan, berputar-putar atau bergoyang-goyang

### PENCEDERAAN DIRI SENDIRI

- Menghantuk kepala
- Menggigit diri sendiri
- Menarik segumpal rambut sendiri

## PROGRAM YANG DITAWARKAN

### 1. Pendidikan satu-ke-satu



-Menyediakan sesi pendidikan satu-ke-satu berdasarkan kurikulum individu kanak-kanak

### 2. Seni & Kraf

-Menggalakkan ekspresi diri, meningkatkan kemahiran motor halus dan penyelarasan tangan dengan mata



### 3. Musik



-Sesi diadakan pada hari Sabtu untuk membantu kanak-kanak dalam perkembangan bahasa, pertuturan, komunikasi, sosial dan kemahiran motor

### 4. Permainan berkumpulan

-Kanak-kanak dapat bersosial dan berinteraksi antara satu sama lain



### 5. Pra-vokasional



-Melatih kanak-kanak untuk melaksanakan kemahiran hidup yang mudah seperti berpakaian, pembersihan, mencuci pakaian dan memasak

### 6. Terapi Keluarga Berkumpulan



-Kumpulan penyokong ibu bapa ditubuhkan supaya ibu bapa dapat bertemu, bersosial, menganjurkan aktiviti dan menyokong satu sama lain

## PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

### 1. Penilaian Diagnostik dan Pembangunan

-Menyediakan penilaian diagnostik & pembangunan secara percuma untuk kanak-kanak

### 2. Sumber/Perpustakaan

-Kami membina perpustakaan sendiri untuk menyumbangkan cetakan visual dan audio berkenaan autisme. Terdapat juga buku-buku certa dan bahan bacaan yang lain untuk menggalakkan pembacaan

### 3. Kempen Kesedaran

-Mengadakan pameran dan ceramah untuk meningkatkan kesedaran terhadap autisme dari segi diagnosa awal, intervensi, menggalakkan persefahaman, toleransi dan sokongan daripada orang ramai

### 4. Latihan

-Menganjurkan sesi latihan di REACH Penang untuk meningkatkan kemahiran guru-guru dan sukarelawan kami

### 5. Sistem Buddy

-Remaja sekalian daripada sekolah berarus perdana dipasangkan kepada setiap kanak-kanak autistik supaya mereka boleh bermain, mengajar, berinteraksi dan berkomunikasi

## HUBUNGI KAMI



### Alamat Pusat:

No. 160, Jalan Bunga Raya,  
85000 Segamat, Johor, Malaysia

### Alamat Kiriman:

No. 8, Jalan Nagasari 9,  
Segamat Baru, 85000 Segamat, Johor,  
Malaysia

H/P: +6019 7598338

Faks: +607 9437650

Emel: reachsegamat@yahoo.com

Laman web: www.reachsegamat.com



## KENALILAH CIRI2 AUTISMA BERTINDAKLAH AWAL

